

# Buktikan Muslim

## BAHAGIAN AKHIR

**MUKADIMAH:** Pengarah Perkhidmatan Maklumat Islam, Dr. Nazir Khaja baru-baru ini melawat Malaysia dan telah menemubual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pelbagai isu penting.

Perkhidmatan Maklumat Islam yang menerbitkan sebuah rancangan mingguan televisyen berpejabat di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Sedutan interviu Dr. Khaja dengan Dr. Mahathir itu telah disiarkan di dalam majalah *The Minaret* bagi keluaran Mei/Jun 1994. Pada hari Selasa dan semalam telah disiarkan bahagian pertama dan kedua interviu tersebut. Hari ini disiarkan pula bahagian akhir.

**D R. KHAJA:** Wawasan Dr. untuk tahun 2020 agak menarik dan mencabar. Bagaimana Dr. merancang untuk menggabungkan asas-asas agama dan hal ehwal negara itu?

**DR. MAHATHIR:** Wawasan itu sebenarnya membayangkan bahawa kita patut menjadi semaju negara-negara maju, seperti yang kita lihat hari ini, pada tahun 2020 nanti di mana pada masa itu, negara-negara tersebut turut berkembang.

Namun kita amat prihatin iaitu dalam perkembangan itu kita tidak kehilangan sistem nilai kita, sistem nilai agama kita, atau sistem nilai kebaikan yang kita fikir penting untuk kesejahteraan negara.

Ita tidak menghalang kita daripada mencapai kejayaan material tetapi kita harus ingat bahawa kekayaan material menurut cara pemikiran Islam tidak sama dengan kekayaan material di bawah satu sistem yang berlainan.

Kita perlu ingat bahawa kita hanya mentadbirnya buat waktu ini, kekayaan yang kita perolehi, sebenarnya bukan hak kita untuk melakukan sesuka hati. Oleh itu, kita mesti patuh kepada ajaran Islam mengenai pengurusan kekayaan kita, mengambil kira masyarakat, mengambil kira masa depan. Jadi nilai-nilai ini mesti dikekalkan.

**DR. KHAJA:** Dalam Wawasan 2020 atau di masa depan, apakah peranan wanita yang Dr. lihat dalam sebuah masyarakat maju, perindustrian, tanpa mengorbankan cara kehidupan Islam?

**DR. MAHATHIR:** Kita cuba merujuk kembali kepada ajaran Islam, sejarah Islam untuk menyokong kata-kata kita. Dalam poligami contohnya, amat jelas bahawa jika semua lelaki mengambil empat wanita untuk dijadikan isteri, maka akan ada tiga lelaki yang tidak akan

mempunyai isteri dan itu adalah salah dalam mana-mana masyarakat, sudah tentunya dalam sebuah masyarakat Islam kerana kita menghargai keluarga, kita menghargai institusi perkahwinan.

Kamu mengambil wanita itu daripada lelaki. Kamu merampas hak mereka, maka itu adalah salah tetapi kita bukanlah menentang poligami.

Dalam keadaan tertentu patut ada poligami, contohnya selepas sesuatu peperangan apabila ramai kaum lelaki terkorban dan ada sangat banyak janda, maka sudah tentu kamu melakukan satu kerja yang baik apabila mengambil seorang atau dua lagi isteri.

### Menaruh harapan

Bagaimanapun tidaklah diwajibkan untuk mempunyai empat isteri. Jadi janganlah pergi ke merata-rata tempat dan berkata, agama kita meminta kita mempunyai empat isteri, itu tidak benar. Kita menegaskannya atas dasar agama.

**DR. KHAJA:** Perlukah ada satu *think tank* di mana isu-isu semasa boleh dibincangkan dan dinilai dan di mana kita boleh merancang satu strategi untuk kurun akan datang?

**DR. MAHATHIR:** Ia amat penting. Ada ramai orang yang berfikir sama. Pada masa ini, mereka tidak begitu berpengaruh seperti mana yang kamu harapkan daripada mereka tetapi hubungan itu telah dibentuk.

Kita telah mewujudkan hubungan dengan banyak institusi Islam dan kita bertukar-tukar pendapat, penceramah, dan berbincang mengenai isu-isu yang penting bagi kita.

Lagipun, tafsiran yang salah sekalipun, apabila bermula, ia bermula secara kecil-kecilan dan kemudiannya tersebar. Tafsiran-tafsiran yang betul harus melalui proses yang sama. Kamu patut memulakannya, dan secara perlahan-lahan ia akan tersebar dan kamu akan memperolehi momentum pada suatu hari. Saya menaruh harapan, saya berasa optimis.

**DR. KHAJA:** Jika saya minta Dr. sampaikan satu peringatan ringkas dari Al-Quran kepada seorang bukan Islam, apa yang mahu Dr. sampaikan?

**DR. MAHATHIR:** Kita tidak seharusnya melakukan apa yang salah dan kita mesti membuktikan kepada dunia bahawa orang Islam boleh berjaya dalam apa yang kita biasa panggil sebagai bidang bukan berbentuk keagamaan, sebagaimana orang lain. Dan sepatutnya tidak ada sebab kenapa mereka tidak boleh berjaya.

**DR. KHAJA:** Jadi inilah tafsiran Dr. terhadap dasar Al-Quran "amar bil ma'aruf" dan "nahi anil munkar"?

**DR. MAHATHIR:** Ya. Semua orang patut mengelakkan kejahatan tetapi kamu mesti faham apa itu kebaikan. Kejahatan agak lebih mudah difahami tetapi orang

# boleh

mencampurkan apa yang baik dengan berbagai-bagai tafsiran mereka sendiri.

**DR. KHAJA:** Apakah yang Dr. benar-benar inginkan untuk ummah Islam, apakah wawasan ideal untuk mereka?

**DR. MAHATHIR:** Mereka mesti berjaya dalam bidang keduniaan sebagaimana mereka prihatin terhadap ajaran-ajaran Islam. Mereka tidak sepatutnya melupakan agama mereka.

**DR. KHAJA:** Apakah ideal yang Dr. fikirkan?

**DR. MAHATHIR:** Kita sedang cuba melaksanakan beberapa kepercayaan kita bahawa sebagai sebuah negara Islam, kita boleh berjaya. Pada masa yang sama, kita tidak melupakan agama kita dan tidak cuba mengenakan nilai-nilai dan agama kita ke atas mereka yang bukan Islam.

Bagaimanapun, kita ingin mereka turut sama mengamalkan nilai-nilai yang sesuai dengan Islam, dan dengan agama mereka.

**DR. KHAJA:** Islam dan orang Islam sering dikritik oleh Barat mengenai hak-hak kemanusiaan. Bagaimanakah saya sebagai seorang Islam di negara Barat, atau mana-mana orang Islam sekalipun, mempertahankankannya?

**DR. MAHATHIR:** Sebenarnya pada masa ini saya tidak fikir Barat berada pada sebarang kedudukan untuk mengkritik orang Islam selepas melihat apa yang berlaku di Bosnia; mereka telah hilang kredibiliti mereka.

## Mendapat kedudukan

Bagaimanapun itu tidak bererti kita tidak patut berusaha untuk mencapai sikap yang sepatutnya ke arah hak-hak kemanusiaan. Kita perlu membuktikan kepada dunia bahawa orang Islam prihatin terhadap hak-hak kemanusiaan, bahawa mereka tidak sepatutnya menindas orang Islam terutamanya, atau orang mereka sendiri.

Kita mesti membuktikan kepada mereka bahawa Islam adalah satu agama yang percaya kepada dasar-dasar dan nilai-nilai yang tinggi. Kita perlu membuktikan menerusi perlakuan, bukan hanya dengan perkataan bahawa inilah sebenarnya Islam.

**DR. KHAJA:** Apabila Dr. mengimbas kembali kepimpinan stabil dan progresif yang diberikan selama bertahun-tahun kepada rakyat Malaysia, adakah ada perkara yang Dr. akan lakukan dengan cara lain?

**DR. MAHATHIR:** Satu-satunya perkara yang saya kesalkan ialah saya hanya mendapat kedudukan untuk melakukan sesuatu pada masa yang agak lambat dan masih banyak yang perlu dilakukan, dan sudah tentunya tidak ada masa yang mencukupi untuk melakukannya. Namun jika diberi satu peluang lagi, saya masih akan lakukan apa yang telah saya cuba lakukan.



## Pendirian Moscow mengenai ASEAN

"HASIL utama forum ASEAN bulan lalu ialah kenyataan itu sendiri diadakannya," demikian judul harian *Nezavisimaya (Independent)* yang terbit di Moscow minggu lalu ketika menyoroti pertemuan di Bangkok itu.

Tajuk itu bertepatan dengan pendapat Menteri Luar Russia, Andrei Kozyrev yang menegaskan, bahawa "kenyataan itu sendiri, bahawa forum itu telah diadakan sudah merupakan satu kejayaan hasil pertemuan."

Mereka, kata Kozyrev, melupakan bahawa Perang Dingin terutama di Asia tidaklah sama sifatnya seperti di Eropah di mana ada dua blok yang bertentangan. Dua blok itu berpecah dan konfrontasinya berakhir dan zaman baru bermula.

Di Asia Tenggara, soalnya lain sama sekali. Misalnya, Vietnam berperang tidak saja dengan Perancis dan Amerika Syarikat. Dengan China juga ada perang perbatasan, tidak dibicारा lagi mengenai Kemboja.

"Di kawasan itu," dicatat Kozyrev, "pernah ada banyak sengketa di samping konfrontasi ideologi." Di kawasan Asia Pasifik, ada banyak konflik wilayah yang hampir tidak ada di Eropah.

Menurut Koztrev, di Asia ada pendekatan lain daripada di Eropah, dan tidak ada usaha untuk menandatangani suatu persetujuan menyeluruh semacam persetujuan Helsinki.

Kozyrev berpendapat, bahawa kerjasama politik ASEAN dengan Russia berkembang jauh lebih pesat daripada kerjasama ekonomi. Tugas beliau sekarang ialah untuk mengimbangi kedua-dua aspek tersebut.

Pertemuan ke-27 Menteri-Menteri Luar ASEAN di Bangkok bulan lalu betul-betul disebut bersejarah, demikian catatan harian *Pravda*.

Keputusan yang telah diterima mengenai penerimaan Vietnam menjadi anggota ASEAN yang mempunyai hak sama rata telah "membubuhi titik" dalam sejarah bertahun-tahun lamanya konfrontasi di kawasan tersebut di mana tiga negara Indo-China yang lama berada dalam keadaan Perang Dingin dengan blok ASEAN.

Usaha negara-negara yang ikut serta dalam persidangan itu, untuk menyelesaikan persengketaan melalui jalan perundingan dan memperluas rangka kerjasama meyakinkan bahawa Asia Tenggara ingin dengan tegas menempuh jalan damai dan hidup bertetangga baik.

Dan untuk selama-lamanya meninggalkan konfrontasi yang merugikan. — Utusan.